



**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2

62100 PUTRAJAYA

Tel: 03 – 8892 6600

Fax: 03 – 8892 6616/6629



SIARAN MEDIA

(UNTUK DISIARKAN SEGERA)

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PENTADBIRAN KEPADA BADAN SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2016

PUTRAJAYA, 14 MEI 2016 - YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan akan menyempurnakan Majlis Penyerahan Bantuan Pentadbiran kepada badan-badan sukan di Wilayah Persekutuan. Majlis bermula pada jam 2.00 petang, bertempat di Aras 1, Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan, Presint 2, Putrajaya.

2. Majlis ini di anjurkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dan ia merupakan usaha MSWP untuk memastikan pentadbiran badan sukan berjalan lancar ke arah melahirkan badan sukan "Good Governance". Bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu badan sukan dalam urusan pentadbirannya.
3. Peruntukan sejumlah RM225,000.00 ini telah disediakan oleh MSWP dan akan dibahagikan kepada tiga (3) Wilayah iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan menerima sejumlah RM130,000.00, Wilayah Persekutuan Putrajaya sebanyak RM50,000.00 dan Wilayah Persekutuan Labuan pula adalah sebanyak RM45,000.00.
4. Antara tujuan bantuan ini diberikan adalah untuk memudahkan pentadbiran sukan dalam mentadbir persatuan dengan lebih berkesan, sekaligus berusaha untuk membantu badan sukan ke arah kecemerlangan dalam memartabatkan nama Wilayah Persekutuan.
5. Selain itu, pengurusan badan sukan yang baik dan teratur akan menjadikan badan sukan itu lebih diurus secara efisien seterusnya dapat berada dalam kelompok terbaik pada kejohanan SUKMA akan datang serta dapat mengekalkan kejuaraan seiring dengan tema Kontinjen Wilayah Persekutuan bagi 2016 - "KEKAL JUARA".
6. Penyerahan bantuan ini menunjukkan pihak pengurusan tertinggi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan MSWP sentiasa memberi sokongan dan komitmen yang penuh dalam setiap kejayaan yang dicapai. Badan sukan akan terus disokong dan dibantu demi kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan.

Disediakan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

14 April 2016